

Kuasa politik harta paling bernilai

Oleh Jalal Ali Abdul Rahim

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Najib Razak berkata, kuasa politik adalah harta Umno paling bernilai dan bererti yang mesti dipertahankan untuk ditinggalkan kepada generasi Melayu seterusnya.

Timbalah Presiden Umno berkata, selaku parti teras dan tonggak pemerintah negara hampir 50 tahun, Umno tidak boleh membiarkan kuasa politiknya menjadi lemah.

"Tak ada lagi harta lain lebih besar erti dan tinggi nilainya melainkan harta dalam bentuk kuasa politik di tangan parti Umno yang mewakili 3.2 juta ahli Umno dan 16 juta orang Melayu dan Bumiputera.

"Inilah harta yang mesti kita pertahan, jaga dan pelihara sebaiknya supaya harta ini tidak terhakis, apatah lagi jangan harta ini diganti pula dengan punca atau pihak yang lain yang, boleh mengambil alih Umno sebagai tonggak pemerintahan negara," katanya ketika berucap merasmikan Kursus Kepemimpinan Kelab Umno Luar Negara 2006 selama dua hari di Pusat Dagang Dunia Putra (PWTC) di sini, semalam.

Seramai 133 wakil dari 58 kelab Umno luar negara menyertai kursus itu yang diadakan setiap kali menjelang Perhimpunan Agung Umno. Perua Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dijangka menutup kursus itu hari ini.

Najib berkata, bagi menjamin harta itu terus terpelihara, Umno mesti sentiasa melaksanakan proses penyegaran imej parti termasuk menerusi proses rekayasa (kejuruteraan semula) supaya pertubuhan menjangkau usia 60 tahun itu terus berkembang, segar, dinamik dan relevan setiap masa termasuk kepada generasi muda.

"Tak ada lagi harta lain lebih besar erti dan tinggi nilainya melainkan harta dalam bentuk kuasa politik di tangan parti Umno"

Najib Razak
Timbalan Presiden Umno

Beliau berkata, pemimpin Umno sedar proses rekayasa ada kaitan dengan proses peremajaan Umno bagi menjadikan parti itu disokong dan didukung golongan muda Melayu.

Katanya, usaha itu termasuk menerusi penubuhan Puteri dan Putera Umno serta mengembang dan memperkasa Umno di luar negara melalui penubuhan Kelab Umno Luar Negara yang kini mempunyai 62 kelab seperti itu di seluruh dunia.

"Kita percaya adalah penting bagi Umno dekat di hati golongan muda dan kita nak katakan bahawa Umno parti hari ini dan parti orang Melayu

pada masa depan," katanya.

Sehubungan itu, Timbalan Presiden Umno itu menggariskan tiga syarat mesti dipehuhi jika parti mahu mendekati golongan muda iaitu memenuhi aspirasi mereka yang mahu negara makmur, berjaya dan stabil dan kedua, memenuhi harapan mereka dengan menyediakan pentadbiran negara yang baik dan menjamin peluang pekerjaan, pencapaian tahap kehidupan serta peluang.

Katanya, syarat ketiga memenuhi cita rasa mereka yang bersifat universal seperti tidak suka kepada amalan rasuah dan salah guna kuasa.